



## NOTIS SEBUT HARGA KERJA

KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN SISTEM MEKANIKAL PENTAS DI BANGUNAN  
PANGGUNG, ISTANA BUDAYA BAGI TEMPOH 2 TAHUN  
NO. SEBUT HARGA: SH/IB/400-10/08/SH 22-2024

### 1. PELAWAAN

Sebut Harga ini adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor **tempatan** di **Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur**, yang berdaftar dengan:

**Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Taraf Bumiputera (STB), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang masih sah dalam Gred G3 Kategori M Pengkhususan M04 (Sistem Automasi Bangunan).**

Lawatan Tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN**.

### 2. PEMBELIAN DOKUMEN SEBUT HARGA

Kontraktor dikehendaki hadir ke Unit Perolehan, Tingkat 2, Bangunan Pentadbiran, Istana Budaya bermula dari tarikh **2 Oktober hingga 9 Oktober 2024 jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang sahaja** untuk serahan dokumen sebut harga melalui e-mel.

**Sila bawa sijil CIDB asal, PPK asal, STB asal dan SPKK asal berserta satu salinan setiap sijil.**

Kontraktor yang hadir hendaklah penama yang tercatat di dalam Sijil CIDB, PPK, STB atau SPKK dan sekiranya wakil hendaklah **membawa surat wakil syarikat** serta **wajib** membawa **Cop Syarikat**. Surat Kebenaran Khas daripada CIDB adalah **TIDAK DIBENARKAN**.

Dokumen Sebut Harga akan dikeluarkan secara *softcopy* melalui **e-mel rasmi syarikat yang aktif sahaja (e-mel persendirian tidak dibenarkan)** kepada Kontraktor yang sah sahaja bermula dari tarikh **2 Oktober hingga 9 Oktober 2024**. Kontraktor perlu memuat turun dan mencetak keseluruhan Dokumen Sebut Harga tersebut serta melengkapkan segala maklumat yang berkaitan termasuk Borang Sebut Harga Kerja dan Muka Depan Dokumen Sebut Harga yang dikeluarkan dalam bentuk *hardcopy*.

### 3. TARIKH DAN TEMPAT TUTUP SEBUT HARGA

Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap dan dipastikan teratur hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga** di **Lobi, Bangunan Pentadbiran, Istana Budaya, Jalan Tun Razak, 50694 Kuala Lumpur** tidak lewat dari jam **12.00 tengah hari**, pada tarikh tutup Sebut Harga pada **9 Oktober 2024 (Rabu)**.

SYAHRULAZAM BIN SAINAN  
PENGARAH BAHAGIAN TEKNIKAL  
1 OKTOBER 2024